

**DIDALAM MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 4 KUALA LUMPUR**

**DIDALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**RAYUAN JENAYAH NO: 42(S)-44-06/2015**

**RAYUAN JENAYAH NO: 42(K)-50-07/2015**

**BASHEER AHMAD MAULA SAHUL HAMEED**

**NURSHILA BINTI KANNAN**

**LAWAN**

**PENDAKWA RAYA**

**PENGHAKIMAN**

**Pendahuluan:**

1. Kes diatas merupakan dua bentuk rayuan yang dibuat oleh pihak Perayu Pertama dan Perayu Kedua terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen pada 20 Mei 2015 dan 21 Mei 2015. Tuduhan terhadap Perayu Pertama (Basheer Ahamd) adalah seperti berikut:

**No. Kes: 62K – 424 - 08/2014****PERTUDUHAN PERTAMA**

*“Bahawa kamu pada 15 Mei 2014, jam lebih kurang 10.02 pagi bertempat di ATM HSBC Amanah Ampang Point, dalam daerah Ampang, dalam negeri Selangor, telah melakukan capaian tanpa kuasa untuk melakukan kesalahan curi yang mana kamu telah menggunakan kad debit bagi akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei untuk mengeluarkan wang berjumlah RM3,000 daripada akaun tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(3) Akta yang sama”.*

**HUKUMAN**

*Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM150,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.*

**PERTUDUHAN ALTERNATIF**

*“Bahawa kamu pada 15 Mei 2014, jam lebih kurang 10.02 pagi bertempat di ATM HSBC Amanah Ampang Point, dalam daerah Ampang, dalam negeri Selangor, telah mencuri wang berjumlah RM3000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

**HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.*

**PERTUDUDHAN KEDUA**

*“Bahawa kamu pada 15 Mei 2014, jam lebih kurang 10.04 pagi bertempat di ATM HSBC Amanah Ampang Point, dalam daerah Ampang, dalam negeri Selangor, telah melakukan capaian tanpa kuasa untuk melakukan kesalahan curi yang mana kamu telah menggunakan kad debit bagi akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei untuk mengeluarkan wang berjumlah RM2,000 daripada akaun tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(1) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(3) Akta yang sama.*

**HUKUMAN**

*Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM150,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.*

### **PERTUDUHAN ALTERNATIF**

*“Bahawa kamu pada 15 Mei 2014, jam lebih kurang 10.04 pagi bertempat di ATM HSBC Amanah Ampang Point, dalam daerah Ampang, dalam negeri Selangor, telah mencuri wang berjumlah RM 2000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

### **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.*

### **PERTUDUHAN KETIGA**

*“Bahawa kamu pada 29 Jun 2014, jam lebih kurang 11.27 malam bertempat di ATM HSBC Amanah Ampang Point, dalam daerah Ampang, dalam negeri Selangor, telah melakukan capaian tanpa kuasa untuk melakukan kesalahan mencuri yang mana kamu telah menggunakan kad debit bagi akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei untuk mengeluarkan wang berjumlah RM1,500 daripada akaun tersebut, dan dengan itu kamu*

*telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(3) Akta yang sama”.*

### **HUKUMAN**

*Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM150,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.*

### **PERTUDUHAN ALTERNATIF**

*“Bahawa kamu pada 29 Jun 2014, jam lebih kurang 11.27 bertempat di ATM HSBC Amanah Ampang Point, dalam daerah Ampang, dalam negeri Selangor, telah mencuri wang berjumlah RM 1500 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

### **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.*

**No. Kes: 62K – 425 -08/2014****PERTUDUHAN PERTAMA**

*“Bahawa kamu pada 29 Jun 2014, jam lebih kurang 11.28 malam bertempat di ATM HSBC Amanah Ampang Point, dalam daerah Ampang, dalam negeri Selangor, telah melakukan capaian tanpa kuasa untuk melakukan kesalahan curi yang mana kamu telah menggunakan kad ATM bagi akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei untuk mengeluarkan wang berjumlah RM1150 daripada akaun tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(3) Akta yang sama”.*

**HUKUMAN**

*Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM150,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.*

**PERTUDUHAN ALTERNATIF**

*“Bahawa kamu pada 29 Jun 2014, jam lebih kurang 11.28 bertempat di ATM HSBC Amanah Ampang Point, dalam daerah Ampang, dalam negeri Selangor, telah mencuri wang berjumlah RM 1150 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

## **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.*

2. Kesimpulannya Perayu Pertama telah dituduh dengan empat (4) pertuduhan dibawah Seksyen 4(1)(a) Akta Jenayah Komputer 1997 kerana menggunakan kad debit ATM milik mangsa MH 370 di mesin ATM sebanyak 4 kali untuk mengeluarkan wang sedangkan beliau tidak diberi kuasa untuk berbuat demikian.
3. Sementara itu tuduhan terhadap Perayu Kedua (Nur Shila binti Kannan) adalah seperti berikut:

**No. Kes: 62K – 420 -08/2014**

### **PERTUDUHAN PERTAMA**

*“Bahawa kamu pada 8 Julai 2014, bertempat di bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan capaian tanpa kuasa untuk melakukan kesalahan curi wang berjumlah RM10,000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301341491108 atas nama Hue Pui Heng yang mana kamu telah*

*memindahkan wang berjumlah RM10,000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301341491108 atas nama Hue Pui Heng ke dalam akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(3) Akta yang sama”.*

### **HUKUMAN**

*Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM150,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.*

### **PERTUDUHAN ALTERNATIF**

*“Bahawa kamu pada 8 Julai 2014 bertempat di bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kamu telah mencuri wang berjumlah RM10,000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301341491108 atas nama Hue Pui Heng, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

### **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-*



*duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.*

### **PERTUDUHAN KEDUA**

*“Bahawa kamu pada 11 Julai 2014, bertempat di bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan capaian tanpa kuasa untuk melakukan kesalahan curi dengan menggunakan perkhidmatan perbankan internet yang mana kamu telah memindahkan wang berjumlah RM20,000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301341491108 atas nama Hue Pui Heng ke dalam akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(3) Akta yang sama”.*

### **HUKUMAN**

*Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM150,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.*

### **PERTUDUHAN ALTERNATIF**

*“Bahawa kamu pada 11 Julai 2014 bertempat di bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang,*

*di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kamu telah mencuri wang berjumlah RM20,000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301341491108 atas nama Hue Pui Heng, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

### **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.*

### **PERTUDUHAN KETIGA**

*“Bahawa kamu pada 14 Julai 2014, bertempat di bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan capaian tanpa kuasa untuk melakukan kesalahan curi dengan menggunkan perkhidmatan perbankan internet yang mana telah memindahkan wang berjumlah RM35,000 daripad akaun simpanan HSBC bernombor 301341491108 atas nama Hue Pui Heng ke dalam akaun simpanan Maybank bernombor 164548184397 atas nama Ali Faran Khan, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(3) Akta yang sama”.*

**HUKUMAN**

*Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM150,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.*

**PERTUDUHAN ALTERNATIF**

*“Bahawa kamu pada 14 Julai 2014 bertempat di bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kamu telah mencuri wang berjumlah RM35,000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301341491108 atas nama Hue Pui Heng, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

**HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.*

**No. Kes: 62K – 421 - 08/2014****PERTUDUHAN PERTAMA**

*“Bahawa kamu pada 14 Mei 2014 bertempat di premis bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen palsu sebagai tulin iaitu borang permohonan baru kad debit bertarikh 14 Mei 2014 atas nama Tian Jun Wei yang mana kamu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah seksyen 465 Kanun yang sama”.*

**HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 2 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya sekali.*

**PERTUDUHAN KEDUA**

*“Bahawa kamu pada 14 Mei 2014 bertempat di premis bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menipu Nor Aini binti Derus @ Mat Rose untuk mempercayai bahawa permohonan baru kad debit bagi akaun simpanan HSBC bernombor*

301357976108 atas nama Tian Jun Wei telah dibuat oleh Tian Jun Wei sendiri yang seterusnya mendorong beliau untuk meluluskan permohonan tersebut yang mana beliau tidak akan meluluskan permohonan tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian oleh kamu dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 417 Kanun Keseksaan”.

### **HUKUMAN**

Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 5 tahun, atau dengan denda, atau keduanya sekali.

### **PERTUDUHAN KETIGA**

“Bahawa kamu pada 27 Mei 2014 bertempat di premis bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen palsu sebagai tulen iaitu borang Pindahan Tempatan bagi akaun simpanan HSBC bernombor 007129331108 atas nama Ju Kun bertarikh 27 Mei 2014 berjumlah RM1030 yang mana kamu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah seksyen 465 Kanun yang sama”.

## **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 2 tahun, atau dengan denda, atau keduanya sekali.*

### **No. Kes: 62K – 422 - 08/2014**

#### **PERTUDUHAN PERTAMA**

*“Bahawa kamu pada 2 Julai 2014 bertempat di premis bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen palsu sebagai tulen iaitu “Internet Banking Service Request Form” bertarikh 2 Julai 2014 bagi penama Judy Margaret Lai untuk mendapatkan “Security Device” bernombor 89-4412432-5 untuk digunakan bagi mengaktifkan perkhidmatan perbankan internet yang mana kamu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah seksyen 465 Kanun yang sama”.*

**HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 2 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya sekali.*

**PERTUDUHAN KEDUA**

*“Bahawa kamu pada 2 Julai 2014 bertempat di premis bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menipu Mohd Fazli bin Mokhtar untuk mempercayai bahawa permohonan “Internet Banking Service Request Form” atas nama Judy Margaret Lai untuk mendapatkan “Security Device” bernombor 89-4412432-5 telah dibuat oleh Judy Margaret Lai sendiri yang mana beliau tidak akan meluluskan permohonan tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian oleh kamu dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 417 Kanan Keseksaan”.*

**HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 5 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya sekali.*

### **PERTUDUHAN KETIGA**

*“Bahawa kamu pada 2 Julai 2014, bertempat di premis bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melakukan capaian tanpa kuasa untuk melakukan kesalahan curi dengan menggunakan perkhidmatan perbankan internet yang mana kamu telah memindahkan wang berjumlah RM10,000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301341491108 atas nama Hue Pui Heng ke dalam akaun simpanan HSBC bernombor 301357976108 atas nama Tian Jun Wei, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(3) Akta yang sama”.*

### **HUKUMAN**

*Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM150,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.*

### **PERTUDUHAN ALTERNATIF**

*“Bahawa kamu pada 2 Julai 2014 bertempat di bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kamu telah mencuri wang berjumlah RM10,000 daripada akaun simpanan HSBC bernombor 301341491108 atas nama Hue Pui Heng, dan dengan itu*



*kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

### **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.*

**No. Kes: 62K – 423 - 08/2014**

### **PERTUDUHAN PERTAMA**

*“Bahawa kamu pada 27 Mei 2014 bertempat di premis bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencuri wang berjumlah RM1030 daripada akaun simapanan bank HSBC bernombor 007129331108 atas nama Ju Kun, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

### **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat*

### **PERTUDUHAN KEDUA**

*“Bahawa kamu pada 30 Jun 2014 bertempat di premis bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen palsu sebagai tulen iaitu borang Pindahan Tempatan bagi akaun simpanan HSBC bernombor 059039438025 atas nama Tan Size Hiang bertarikh 30 Jun 2014 berjumlah RM1500 yang mana kamu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah seksyen 465 Kanun yang sama”.*

### **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 2 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya sekali.*

### **PERTUDUHAN KETIGA**

*“Bahawa kamu pada 30 Jun 2014 bertempat di premis bank HSBC cawangan Lebu Ampang, beralamat di No. 2, Jalan Lebu Ampang, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencuri wang berjumlah RM1500 daripada akaun simpanan bank HSBC bernombor*

*059039438025 atas nama Tan Size Hiang, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan”.*

### **HUKUMAN**

*Jika disabit kesalahan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, atau dengan denda, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.*

4. Oleh itu Perayu Kedua pula dituduh dengan 12 pertuduhan yang diringkaskan seperti berikut:
  - (a) Empat pertuduhan (4) dibawah seksyen 4(1)(a) Akta Jenayah Komputer 1997 kerana memindahkan wang mangsa MH 370 menggunakan capaian internet tanpa kuasa;
  - (b) Tiga pertuduhan (3) dibawah seksyen 471/467 Kanun Keseksaan kerana menggunakan dokumen cagaran berharga palsu sebagai tulen;
  - (c) Satu pertuduhan (1) dibawah seksyen 471/465 Kanun Keseksaan kerana menggunakan dokumen palsu sebagai tulen;

- (d) Dua pertuduhan (2) dibawah seksyen 417 Kanun Keseksaan kerana menipu;
- (e) Dua pertuduhan (2) dibawah seksyen 379 Kanun Keseksaan kerana mencuri wang mangsa MH 370 dengan membuat pemindahan wang secara manual

### **Latar Belakang Prosiding**

- 5. Melalui Rekod Rayuan Jilid Satu dalam muka surat 16 sehingga 23, scenario perjalanan kes ini dapatlah dirumuskan seperti berikut:
  - (a) Perayu Pertama dan Perayu Kedua telah dituduh dengan pertuduhan-pertuduhan sepertimana masing-masing bagi kes 62K (420-423)-08/2014 dan (424-425)-08/2014 pada 20 Ogos 2014;
  - (b) Kes telahpun ditetapkan untuk perbicaraan pada 10, 11 dan 12 Februari 2015. Diantara tarikh kali pertama kes disebut hingga ke tarikh perbicaraan, kedua-dua pihak Perayu telah membuat penukaran peguam sebanyak dua kali peguam menarik diri atas alasan tidak mendapat arahan daripada kliennya;
  - (c) Pada tarikh 10 Februari 2015, kes telahpun berjalan sepertimana yang dijadualkan tanpa Perayu Pertama dan

Perayu Kedua diwakili oleh peguam. Hakim Mahkamah Sesyen terpaksa meneruskan dengan perbicaraan tersebut memandangkan saksi hadir dan kedua-dua Perayu juga telah diberikan tempoh masa yang mencukupi untuk melantik peguam mengendalikan kes mereka;

- (d) Di Mahkamah Sesyen, pihak pendakwaan telah memanggil seramai 4 orang saksi-saksi dan kedua-dua pihak Perayu telah memohon kepada Mahkamah untuk menangguhkan pemeriksaan balas meeka disebabkan mereka tidak diwakili oleh pihak peguam dan mereka sedang berusaha untuk mendapatkan khidmat peguam untuk mengendalikan kes perbicaraan mereka;
- (e) Hakim Sesyen telah membenarkan permohonan kedua-dua pihak Perayu dan telah memberikan arahan kepada mereka bahawa sekiranya mereka tidak diwakili dengan mana-mana pihak peguam pada tarikh sambung perbicaraan yang akan datang, maka Hakim Sesyen akan meneruskan dengan perbicaraan dan kedua-dua pihak Perayu perlu untuk meneruskan dengan perbicaraan dan kedua-dua Perayu perlu untuk meneruskan dengan pemeriksaan balas. Demi keadilan kepada kedua-dua pihak Perayu, kes ini telah ditangguh kan kepada 25 Februari untuk memastikan kehadiran peguam bagi kedua-dua pihak Perayu;

- (f) Pada tarikh 25 Februari 2015, kedua-dua pihak Perayu memaklumkan kepada Hakim Sesyen bahawa mereka telah melantik Biro Bantuan Guaman dan telah menetapkan untuk sambung dengan perbicaraan pada 16 dan 17 April 2015 dan 28 dan 29 April 2015;
- (g) Pada tarikh 16 April 2015 peguam dari YBGK, En. Collin Andrew hadir mewakili Perayu Kedua dan peguam Cik Kim Kok Thai mewakili Perayu Pertama. Peguambela, En. Collin Andrew telah memohon penangguhan kes perbicaraan atas alasan peguam yang mewakili Perayu Pertama mengidap penyakit “chicken pox” dan beliau telah mengemukakan Sijil Cuti Sakit. Di samping itu juga telah menghantar satu surat representasi kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya dan telah memohon untuk mendapatkan Nota Keterangan. Justeru itu kes perbicaraan telah idtangguhkan kepada 28 dan 29 April 2015;
- (h) Pada 28 April 2015, kedua-dua peguam YBGK telah hadir mewakili kedua-dua pihak Perayu dan memandangkan terdapatnya perkembangan kes dimana pihak Perayu Pertama dan Perayu Kedua ingin membuat Pengakuan Bersalah;
- (i) Semasa tempoh prosiding ini, kesemua pertuduhan telah dibacakan dan diterangkan semula kepada kedua-dua

pihak Perayu. Perayu Pertama telah membuat Pengakuan Bersalah dan Faham Sifat dan Akibat Pengakuan Bersalah pada pertuduhan-pertuduhan bagi kes No. 62K-(420-423)-08/2014. Pihak Perayu Kedua juga telah membuat Pengakuan Bersalah dan Faham Sifat dan Akibat Pengakuan Bersalah pada pertuduhan-pertuduhan kes 62K-(424-425)-08/2014;

- (j) Semasa di dalam prosiding di Mahkamah Sesyen, Fakta Kes (P60) telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan telah dibacakan oleh Jurubahawa Melayu Mahkamah kepada kedua-dua pihak Perayu. Kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua telah mengakui Fakta Kes serta Ekshibit-ekshibit yang telah dikemukakan oleh pihak Timbalan PendakwaRaya. Adalah didapati pada masa ini juga kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua masih diwakili oleh peguam-peguam YBGK;
- (k) Kedua-dua peguam YBGK, Cik Chong Yin Xin yang mewakili Perayu Pertama dan En.Colin Andrew yang mewakili Perayu Kedua memutuskan agar Hakim Sesyen membenarkan satu penangguhan dalam tempoh satu minggu untuk menjatuhkan hukuman bagi memberikan peluang kepada kedua-dua Perayu untuk menguruskan masalah peribadi mereka dan juga pihak peguam YBGK ingin memfailkan Hujaan Bertulis mereka untuk peringanan hukuman. Ketika ini Hakim Sesyen telah

membenarkan penangguhan tersebut dan menetapkan tarikh 13 Mei 2015 sebagai tarikh untuk menjatuhkan Hukuman terhadap Perayu Pertama dan Perayu Kedua;

- (l) Pada 13 Mei 2015, pihak Perayu Pertama dan Perayu Kedua telah hadir bersama-sama dengan peguam YBGK, Cik Chong Yin Xin yang mewakili Perayu Pertama dan En. Colin Andrew yang mewakili Perayu Kedua. Pada peringkat ini juga dan pada masa yang sama peguam, En. Murali telah berdiri dan memberitahu kepada Mahkamah/ Hakim Sesyen bahawa beliau mewakili kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua dalam kes tersebut. Beliau memaklumkan bahawa baru saja dilantik pada hari Isnin untuk mewakili kedua-dua Perayu. Beliau memohon agar Kertas Pertuduhan dibacakan semula kepada Perayu Pertama dan Perayu Kedua memandangkan hukuman belum lagi dijatuhkan oleh Hakim Sesyen walaupun Pengakuan telah diambil;
  
- (m) Pada ketika ini, mahkamah ini mendapati ujud kekeliruan pada ketika ini kerana didapati peguam YBGK masih lagi mewakili kedua-dua Perayu. Melalui Rekod, Hakim Sesyen telah bertanyakan kepada Perayu Pertama dan Perayu Kedua, peguam manakah yang sebenarnya mewakili kedua-dua Perayu walhal pada masa yang sama, peguam YBGK, Cik Chong Yin Xin dan En. Collin Andrew belum lagi menarik diri dari mewakili kedua-dua



Perayu Pertama dan Perayu Kedua. Hakim Sesyen telah menjelaskan kepada kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua yang mana Pengakuan Bersalah, Fakta Kes dan segala Ekshibit-ekshibit telahpun diambil dan diakui oleh kedua-dua Perayu serta Hakim Sesyen telahpun mendapati Perayu Pertama dan Perayu Kedua Bersalah dan Disabitkan sepertimana dengan pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan keatas mereka. Malahan pada hari yang ditetapkan tersebut hanyalah untuk menjatuhkan Hukuman terhadap kedua-dua Perayu;

- (n) Peguam, En. Murali telah menyatakan bahawa sebelum hukuman itu, **kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua telah berjumpa dengannya dan memberitahu bahawa mereka tidak sedar apa yang perlu mereka mengaku ketika itu.** Kehadiran beiau di Mahkamah pada ketika tersebut adalah untuk memastikan hak mereka dari segi perkembangan sahaja;
- (o) Adalah didapati melalui rekod, pada masa yang sama, peguam En. Collin Andrew dari YBGK telah mencelah dan menyatakan seperti berikut:

*“Up to today the accused never informed as they appointed the new counsel firstly and as to inform to this court, previous as date that we will prepare*

*the written submission both myself and my learned friend all resdy prepared and today we come to this court in the understanding that both the accused to be sentenced. But today we were informed by both accused that they has already appointed new counsel. In this circumstances Puan, we have no choice but to discharge ourselves.....”*

- (p) Pada masa yang sama, peguam YBGK, Cik Chong Yin Xin yang mewakili Perayu Pertama turut mencelah dan menyatakan:

*“I agreed with my learned friend, I myself have not received any letters about the appointment of new counsel. We pray to allow us to discharge from the case...”*

Adalah didapati bahawa peguam YBGK, Cik Chong Yin Xin dan En. Collin Andrew memberitahu Hakim Sesyen bahawa mereka menarik diri dari prosiding tersebut memandangkan kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua tidak memberikan arahan yang selanjutnya dan memberikan kerjasama;

- (q) Adalah didapati Perayu Pertama dan Perayu Kedua memberikan alasan bahawa kedua-dua peguam YBGK

yang mewakili mereka pada masa tersebut telah memaksa mereka. Mereka tidak bersedia untuk bertanyakan soalannya kepada saksi-saksi dan dipaksa oleh peguam pada hari tersebut. Apa yang berlaku adalah **sebenarnya kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua tidak hendak mengaku dan telah memberitahu pada peguam berkali-kali tetapi peguam berkata tidak bersedia dan mengugut sekiranya tidak mengaku, peguam akan menarik diri seolah-olah mengugut saksi ini. Justeru itu kedua-dua Perayu tiada mempunyai pilihan dan terpaksa mengaku.**

- (r) Dalam prosiding ini juga, Hakim Sesyen telah menyatakan bahawa kedua-dua Perayu boleh memberitahu mahkamah sekiranya terdapat Ugutan dan Hakim telah bertanya kepada mereka mengapa tidak berbuat demikian. Jawapan dari kedua-dua Perayu adalah mereka tidak dapat berfikir pada masa itu dan mereka tidak bersedia apa-apa sebelumnya, lagipun diberitahu peguam YBGK belum lagi bersedia dengan kes untuk sambung perbicaraan;
- (s) Apabila diminta penjelasan, kedua-dua peguam YBGK enggan mengulas memandangkan ujudnya "*lawyers' client privilege*". Lanjutan daripada ini, Hakim Sesyen terus memberikan Perintah bagi kedua-dua Peguam Perayu Pertama dan Perayu Kedua untuk menarik diri

dari terus mewakili mereka memandangkan kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua tidak lagi memerlukan khidmat mereka,

- (t) Adalah didapati bahawa Hakim Sesyen telah memberikan Perintah bahawa memandangkan kesemua Fakta-fakta Kes telahpun diberikan dan Perayu Pertama dan Perayu Kedua telahpun membuat Pengakuan Bersalah serta Faham Akibat dan Sifat Pengakuan Bersalah mereka pada pertuduhan-pertuduhan yang dipertuduhkan dan telahpun dibacakan serta diterangkan dengan jelas akan pertuduhan-pertuduhan tersebut dan Hakim Sesyen telah memberikan peluang kepada Perayu Pertama dan Perayu Kedua untuk berfikir dan dan Sabitan telahpun direkodkan setelah mengambil kira bahawa Perayu Pertama dan Perayu Kedua telah dengan sukarela mengaku bersalah dan diwakili oleh peguam YBGK pada ketika itu.
- (u) Mahkamah ini telah mengambil pendekatan dan berpendapat bahawa sekiranya benar ujudnya ugutan, sepatutnya pihak Perayu boleh memberitahu kepada pihak mahkamah. Tiada dalam mana-man prosiding kedua-dua Perayu ini ada memaklumkan apa-apa bantahan kepada pihak Mahkamah.

- (v) Mahklamah ini juga mendapati bahawa diatas alasan-alasan yang dinyatakan, Hakim Sesyen telah menolak permohonan kedua-dua Perayu untuk menarik balik Pengakuan Bersalahnya dan memerintahkan kes untuk Hukuman pada hari tersebut;
  
- (w) Selanjutnya Hakim Sesyen telah memberikan arahan kepada peguam, En. Murali yang baru dilantik oleh kedua-dua Perayu untuk meneruskan Hujahan terhadap Hukuman. Sungguhpun demikian, peguam En. Murali telah memohon kepada Hakim Sesyen untuk memberikan penangguhan selama dua hari bagi menyediakan Fakta Kes dan Hukuman. Permohonan pihak peguam ini telah ditolak oleh Hakim Sesyen tetapi memberikan kepadanya penangguhan hanya sebentar sahaja untuk menyediakan penghujahan. Sungguhpun demikian, peguam En. Murali tidak bersedia dan sebaliknya menarik diri dari mewakili kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua. Adalah didapati juga peguam menarik diri apabila Hakim Sesyen tidak membenarkan kedua-dua Perayu untuk menarik semula Pengakuan Bersalahnya.
  
- (x) Semasa prosiding tersebut, pihak Timbalan Pendakwa Raya mengenai perkara-perkara berikut:
  - (a) Merujuk kepada seksyen 173 Kanun Prosedur Jenayah yang mana undang-undang telah jelas

bahawa apabila Sabitan telah direkodkan seterusnya Mahkamah boleh meneruskan untuk menjatuhkan Hukuman terhadap kedua-dua Perayu;

- (b) Mengambil kira pada tarikh yang lepas semasa pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada kedua-dua Perayu, Fakta Kes telahpun dibacakan dan diterangkan kepada kedua-dua Perayu;
- (c) Barang-barang kes (ekshibit) telah pun di kemukakan dan kesemuanya telah ditunjukkan kepada Perayu Pertama dan Perayu Kedua, malah kesemua pertuduhan dibaca dengan sempurnanya bersama-sama dengan pertuduhan alternative dan diterangkan;
- (d) Factor-faktor tersebut perlulah dipertimbangkan dengan keadaan pada masa tersebut yang mana secara tiba-tiba kedua-dua Perayu Pertama dan Perayu Kedua menyatakan ingin dibicarakan semula pertuduhan adalah merupakan satu permohonan yang tidak wajar;
- (e) Seterusnya isu mengenai perlantikan peguam yang baru, En. Murali. Adalah didapati sebelum peguam daripada YBGK dilantik, telah dua firma guaman

yang mewakili kedua-dua pihak Perayu dan kedua-dua firma tersebut telahpun menarik diri daripada mewakili kedua-dua Perayu tersebut di pertengahan kes memandangkan tidak mendapat arahan dan kerjasama daripada kedua-dua Perayu. Perkara yang sama juga masih berlaku di saat Hakim Sesyen hendak menjatuhkan hukuman.

Justeru itu pada penglihatan Mahkamah, bahawa kedua-dua Perayu telah dengan sengaja mencari alasan-alasan untuk melanjutkan tempoh masa dan melengah-lengah perbicaraan pada saat-saat yang akhir. Peguambela bagi kedua-dua Perayu, En. Murali juga telah menarik diri setelah tidak mendapat apa-apa arahan yang jelas daripada Perayu-perayu;

- (f) Kedua-dua pihak Perayu telah memberikan alasan bahawa peguam yang dilantik oleh mereka sebelumnya telah menarik diri disebabkan mereka mempunyai masalah kewangan dan tidak dapat membuat pembayaran yuran guaman. Oleh yang demikian, mereka tiada pilihan lain melainkan untuk melantik peguam dari YBGK, yang mana peguam dari YBGK kali pertama hadir untuk sambung perbicaraan telah menyuruh mereka untuk mengaku bersalah tanpa sambung perbicaraan

disebabkan oleh kedua-dua Perayu sudah banyak kali berbincang dan meminta untuk menyambung perbicaraan namun peguam dari YBGK berkata sekiranya kes dijalankan mereka belum bersedia dan ingin menarik diri;

- (g) Pihak Perayu Pertama dan Perayu Kedua telah meminta Hakim Sesyen untuk menangguhkan hukuman kerana peguam yang mereka lantik telah menarik diri disebabkan mereka mempunyai masalah kewangan dan tidak dapat membuat pembayaran yuran guaman. Disebabkan alasan ini, mereka telah melantik peguam dari YBGK, yang mana peguam telah memaksa mengaku bersalah;
- (h) Hakim Sesyen telah mempertimbangkan untuk menangguhkan kes agar memberikan masa untuk Perayu Pertama dan Perayu Kedua untuk menyediakan hujahan mereka. Kes ditangguhkan untuk hukuman pada 20 Mei 2015;

(y) Pada tarikh 20 Mei 2015, Perayu Kedua telah hadir dan Hakim Sesyen telah menjatuhkan hukuman seperti berikut:

**Kes No. 62K-420 – 08/2014**

- (i) *Pertuduhan alternative di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan.*



- *3 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman 21 Mei 2015*
- (ii) *Pertuduhan alternative di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan.*
  - *4 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh 21 Mei 2015.*
- (iii) *Pertuduhan alternarif di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan.*
  - *6 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman 21 Mei 2015*

**Kes No. 62K - 421 – 08/2014**

- (j) *Pertuduhan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan.*
  - *10 bulan penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman.*
- (ii) *Pertuduhan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan.*
  - *2 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman*
- (iii) *Pertuduhan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan.*
  - *10 bulan penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman.*

**Kes No. 62K - 422 – 08/2014**

- (i) *Pertuduhan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan.*
  - *10 bulan penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman.*

- (ii) *Pertuduhan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan.*
  - *2 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman.*
- (iii) *Pertuduhan alternatif seksyen 379 Kanun Keseksaan.*
  - *3 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman.*

**Kes No. 62K - 423 – 08/2014**

- (i) *Pertuduhan di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan.*
  - *2 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman.*
- (ii) *Pertuduhan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan.*
  - *10 bulan penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman.*
- (iii) *Pertuduhan di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan.*
  - *3 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman.*

*Hukuman berjalan serentak bagi kesemua kes.*

- (z) Perayu Pertama telah tidak hadir dan ditangguhkan hukuman pada 21 Mei 2015 seperti berikut:

**No. Kes 62K – 424 – 08/2014**

- (i) *Pertuduhan alternative di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan.*
  - *2 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman.*

(ii) *Pertuduhan alternative di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan.*

- *3 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman dan satu sebatan.*

(iii) *Pertuduhan alternatif di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan*

- *3 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman dan satu sebatan.*

**Kes No. 62K - 425 – 08/2014**

(i) *Pertuduhan alternative di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan.*

- *4 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh hukuman dan satu sebatan.*
- *Hukuman berjalan serentak bagi semua kes.*

**6. Hujahan Peguam Perayu Pertama**

- a) Kegagalan Mahkamah Seksyen untuk mengambilkira penukaran pengakuan Perayu sebelum hukuman dijatuhkan;

- b) Kegagalan Mahkamah Seksyen untuk mentafsirkan undang-undang bahawa Perayu tidak boleh menukar pengakuan setelah fakta kes dibacakan;
- c) Kegagalan Mahkamah Seksyen untuk mengambil kira alasan-alasan yang munasabah yang diberikan oleh Perayu kepada Mahkamah atas sebab-sebab penukaran pengakuan tersebut;
- d) Kegagalan Mahkamah Seksyen untuk mengambil kira niat Perayu dari mula perbicaraan dimulakan dimana pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwaan telah diirizab (“reserved”) dengan jelas menunjukkan Perayu ingin membicarakan kes ini;

Selanjut Peguam Perayu berhujah seperti berikut:-

- a) Latar Belakang kes-kes telah mula dibicarakan dimana empat (4) orang saksi Pendakwaan telah dipanggil untuk memberikan keterangan dan pemeriksaan balas telah dirizab oleh Perayu tidak diwakili oleh Penguamcara.
- b) Seterusnya, Perayu telah diwakili oleh peguam dari YBGK untuk mengendalikan kes ini.
- c) Selepas perlantikan ini, Perayu telah menukar pengakuan dan mengaku salah.

- d) Pada 13/05/2015, Perayu telah melantik penguamcara baru iaitu Encik Murali untuk mengendalikan kes ini dimana beliau telah memohon kepada Mahkamah Seksyen untuk membacakan semula kertas pertuduhan kepada Perayu memandangkan hukuman belum lagi dijatuhkan oleh Mahkamah.
- e) Perayu telah memberitahu Encik Murali bahawa Perayu ingin menukar pengakuan kerana kedua-dua peguam YBGK yang telah mewakili Perayu telah memaksa Perayu mengaku salah. Malahan, perayu telah memberitahu Mahkamah Seksyen bahwa peguam YBGK tidak bersedia untuk bertanya soalan kepada saksi-saksi pendakwaan oleh itu telah memaksa Perayu untuk mengaku salah.
- f) Sebenarnya, Perayu tidak hendak mengaku dan telah memberitahu kepada peguam YBGK berkali-kali, akan tetapi peguam YBGK enggan mengambil arahan Perayu tersebut dan mengugut Perayu, jika Perayu tidak mengaku salah peguam YBGK akan menarik diri daripada mewakili Perayu.
- g) Oleh itu, Perayu tiada pilihan dan terpaksa menukar pengakuan. Ini jelas tertera pada mukasurat 20, perenggan 17, Jilid 1 Rekod Rayuan.
- h) Ini dengan jelas tidak mengikut undang-undang dibawah s.173(b) tersebut dimana dinyatakan “***...provided that***

***before a plea of guilty is recorded the court shall ascertain that the accused understands the nature and consequences of his plea and intends to admit, without qualification, the offence alleged against him..”*** Disini dengan jelas menunjukkan bahawa Perayu tidak hendak mengaku salah secara rela akan tetapi mengaku salah atas paksaan peguam YBGK.

- i) Seterusnya, semasa Hakim Mahkamah Seksyen bertanya kepada peguam YBGK mengenai isu paksaan, kedua-dua peguam YBGK enggan mengulas dan hanya mengatakan “lawyer-client privilege” (mukasurat 20, perenggan 19, Jilid 1 Rekod Rayuan). Pihak Perayu berhujah alasan ini bukanlah satu alasan yang munasabah dan manfaat keraguan (“benefit of doubt”) seharusnya diberikan kepada Perayu.
- j) Mahkamah Seksyen berpendapat bahawa jika terdapat unsur-unsur ugutan, Perayu sebenarnya memberitahu Mahkamah pada masa yang sama pengakuan ditukar oleh Perayu. Perayu berhujah bahawa faktor yang paling mustahak adalah sebab-sebab atau alasan-salasan mesti diberi sebelum hukuman diatuhkan dan Hakim Mahkamah Seksyen mesti meneriam penukaran pengakuan Perayu. (mukasurat 21, perenggan 20, Jilid 1 Rekod Rayuan).

- k) Selanjutnya Perayu berhujah bahawa Hakim Mahkamah Seksyen telah gagal mentaksirkan undang-undang s.173 tersebut dimana Hakim mengatakan bahawa apabila sabitan telah direkodkan seterusnya Mahkamah boleh meneruskan untuk menjatuhkan hukuman terhadap Perayu seperti yang dinyatakan di mukasurat 22, perenggan 25, Jilik 1 Rekod Rayuan. Ini hanya benar jika tidak terdapat kehendak Perayu untuk menukar pengakuan Perayu, akan tetapi disini Perayu hendak menukar pengakuannya dengan alasan-alasan yang munasabah sebelum hukuman dijatuhkan.

## 7. **Fakta Kes**

- a) Pengadu di dalam kes ini merupakan pegawai bank HSBC. Beliyu mengatakan pada 18/07/2014 semasa pengadu berada di bangunan HSBC lebuh Ampang K.L., pengadu telah mendapati terdapat beberapa pengeluaran wang tanpa kebenaran telah dilakukan keatas akaun simpanan HSBC milik empat(4) orang pelanggan HSBC. Kesemua pelanggan yang terlibat adalah mangsa kehilangan pesawat Mas MH370 dan pengeluaran wang tanpa kebenaran tersebut dilakukan selepas insiden kehilangan pesawat tersebut.
- b) Pihak bank mendapati bahawa wang simpanan daripada akaun simpanan tiga (3) orang pelanggan tersebut telah dipindahkan ke dalam akaun simpanan salah seorang pelanggan yang juga

merupakan mangsa MH370. Kemudiannya wang tersebut dikeluarkan melalui pengeluaran ATM menggunakan kad debit di beberapa lokasi di KL/ Selangor dari akaun simpanan pelanggan tersebut iaitu penama Tian Jin Wei no akaun 301357976108. Selain itu terdapat juga pemindahan wang sebanyak rm 35,000 daripada akaun simpanan pelanggan Hue Pui Heng bernombor 301341491108 pada 14/07/2014 melalui pindahan internet banking ke dalam akaun Maybank no 1645 4818 4397 atas nama Ali Faran Khan. Pihak bank mendapati kesemua empat pelanggan tersebut mengalami kerugian dari pemindahan tanpa kebenaran tersebut sebanyak lebih kurang RM 110,643.00.

- c) Ekoran daripada maklumat daripada pihak bank HSBC, pada 14/08/2014 sepasukan polis dari BSJK IPD Dang Wangi telah membuat tangkapan ke atas 1 perempuan India Muslim (Perayu Kedua) dan 1 lelaki Indian Muslim (Perayu Pertama) yang merupakan pasangan suami isteri bersabit Ampang Report No. 1642 dan Pandan Indah Report No. 1767814.
- d) Hasil siasatan mendapati bahawa Perayu Kedua yang bekerja sebagai Pegawai Bank HSBC telah membuat semakan ke atas akaun HSBC milik mangsa-mangsa MH 370 dan mendapati terdapat empat (4) akaun milik empat (4) mangsa yang masih aktif dan mempunyai wang. Perayu kedua telah membuat permohonan kad debit baru bagi akaun simpanan bank HSBC bagi penama Tian Jin Wei bernombor 301357976108 dengan mengemukakan dokumen permohonan kad debit yang palsu



dan diserahkan kepada pegawai bank bernama Nor Aini Bt Derus bagi mendapatkan kelulusan membuat kad debit tersebut. Dokumen borang permohonan kad debit palsu yang digunakan dan dikemukakan oleh Perayu Kedua tersebut telah memperdaya dan mendorong Nor Aini Binti Derus untuk meluluskan permohonan kad debit tersebut.

- e) Setelah kad debit tersebut diperolehi, Perayu Kedua telah menyerahkan kad debit tersebut kepada suaminya iaitu Perayu Pertama dan Perayu Pertama telah membuat beberapa pengeluaran wang secara berperingkat-peringkat menggunakan kad debit tersebut. Antara pengeluaran wang yang dilakukan oleh Perayu Pertama menggunakan kad debit tersebut ialah pada 15/5/2014 jam 1002 pagi berjumlah RM 3000 dan jam 1004 pagi berjumlah RM 2000 bertempat di ATM HSBC Amanah Ampang Point, Ampang, Selangor. Pada 29/06/2014, Perayu Pertama juga telah membuat pengeluaran wang berjumlah RM 1500 jam 1127 malam dan jam 1128 malam sebanyak RM1150 melalui tempat yang sama iaitu ATM HSBC Amanah Ampang Point, Ampang Selangor. Kesemua pengeluaran wang dibuat adalah melalui akaun simpanan HSBC milik Tian Jin Wei bernombor 301357976108 menggunakan kad debit tersebut.
- f) Pada 27/5/2014, Perayu Kedua telah dengan curangnya membuat pemindahan wang dari akaun simpanan HSBC milik penama Tan Size Hiang bernombor akaun 05903943802 sebanyak RM1030 dengan menggunakan baucer pindahan

tempatan yang palsu. Seterusnya pada 30/06/2014 Perayu Kedua telah sekali lagi dengan curangnya membuat pemindahan wang dari akaun simpanan HSBC milik Ju Kun no 007129331108 berjumlah RM 1500 dengan menggunakan baucer pindahan tempatan yang palsu. Dengan menggunakan kedua-dua baucer pindahan wang itu, Perayu kedua telah membuat pemindahan wang dengan jumlah tersebut kedalam akaun simpanan HSBC Tian Jin Wei bernombor 301357976108.

- g) Selain itu, pada 02/04/2014 Perayu Kedua telah membuat permohonan bagi mendapatkan nombor “security device” untuk mendapatkan kemudahan perbankan internet dengan menggunakan dokumen “internet banking service request form” bagi penama Judy Margaret Lai yang palsu dan telah menyerahkan dokumen tersebut kepada pegawai bank HSBC bernama Mohd Fazli Mokhtar untuk mendapatkan kelulusan.
- h) Dokumen “internet banking service request form” bagi penama Judy Margaret Lai yang palsu digunakan oleh Perayu kedua tersebut telah memperdaya dan mendorong Mohd Fazli Mokhtar untuk memberikan nombor “security device” terhadap permohonan tersebut.
- i) Setelah mendapat nombor “security device” tersebut Perayu Kedua telah mengaktifkan perkhidmatan perbankan internet untuk akaun simpanan HSBC milik Hue Pui Heng bernombor 301341491108. Setelah mengaktifkan perkhidmatan perbankan

internet itu, Perayu Kedua telah dengan curangnya membuat pemindahan wang pada 02/07/2014 berjumlah RM10000, pada 08/07/2014 berjumlah RM10,000, pada 11/07/2014 berjumlah RM20,000 ke dalam akaun simpanan HSBC milik Tian Jun Wei bernombor 301357976108. Manakala pada 14/7/2014 Perayu kedua sekali lagi telah dengan curangnya membuat pemindahan wang ke akaun simpanan Maybank milik Ali Faran Khan bernombor 1645 4818 4397 berjumlah RM 35,000 dengan menggunakan perkhidmatan perbankan internet yang diaktifkan tersebut.

## **PENDAPAT MAHKAMAH**

### **Isu-isu dan persoalan-persoalan mengenai Rayuan Perayu Pertama**

8. Dalam meneliti Rayuan yang dikemukakan oleh Perayu Pertama, dapatlah dirumuskan seperti berikut untuk pertimbangan Mahkamah ini:

#### ***ISU PERTAMA: Samada Hakim Sesyen boleh menolak penukaran pengakuan salah oleh Perayu;***

- (a) Dalam meneliti persoalan ini, adalah didapati melalui Fakta-fakta kes dan Rekod Prosiding Mahkamah, pada masa tersebut Hakim Sesyen belum lagi menjatuhkan sebarang bentuk Hukuman terhadap kedua-dua Perayu. Walaubagaimanapun pertuduhan telah dibacakan dan

diterangkan kepada kedua-dua Perayu, Fakta Kes telahpun dibacakan dan diterangkan kepada kedua-dua Perayu. Dalam masa yang sama kesemua Bbarang kes (ekshibit)telahpun dikemukakan dan kesemuanya telah ditunjukkan kepada Perayu Pertama dan Perayu Kedua dan diakui Benar. Hakim Sesyen telah memberikan peluang kepada Perayu Pertama dan Perayu Kedua untuk berfikir dan dan Sabitan telahpun direkodkan setelah mengambil kira bahawa Perayu Pertama dan Perayu Kedua telah dengan sukarela mengaku bersalah dan diwakili oleh peguam YBGK pada ketika itu.

- (b) Dalam keadaan sedemikian, memandangkan Hukuman masih belum dijatuhkan, maka pada pendapat Mahkamah ini kedudukan Hakim Sesyen tersebut masih belum “Functus Officio” walaupun suatu Pengakuan Bersalah telah dibuat oleh kedua-dua Perayu. Justeru itu, dalam keadaan yang sedemikian, **Hakim Sesyen yang mendengar kes tersebut mempunyai Budi Bicara samada untuk membenarkan atau untuk menolak permohonan kedua-dua Perayu bagi penukaran Pengakuan Bersalah mereka.** Walaubagaimanapun, suatu bentuk Budi Bicara yang perlu dilaksanakan itu hendaklah dilaksanakan secara ADIL dan SAKSAMA berdasarkan kepada ALASAN-ALASAN YANG SAH.

- (c) Mahkamah ini ingin merujuk kepada kes **PP v. Sam Kim Kai (1960) 1 LNS 99** yang menerangkan prinsip berikut yang perlu dipatuhi apabila melibatkan keadaan dimana Tertuduh ingin menarik semua Pengakuan Bersalah seperti berikut:

*“.....there is, however, one further matter, to which I would refer before leaving this case. The Respondent was originally charged with the main offence of housebreaking. To that charge he pleaded guilty. The learned President, before passing sentence upon him, perfectly properly remanded him in custody with a view to obtaining a report upon him from the Probation Officer. When the matter again came before him seven days later, the Respondent was represented by an advocate, Mr. Triptipal Singh, who informed the court that his client wished to withdraw his plea of guilty. The learned President thereupon permitted him to do so and to substitute therefor a plea of not guilty. Subsequently, the charge of housebreaking was withdrawn by the prosecution and the present charge of dishonestly retaining the stolen property substituted therefor.....”*

*Now, there is, no doubt, a discretion vested in a trial court to allow an accused person, before sentence, to withdraw a plea of guilty and to substitute a plea of not guilty. But that discretion requires to be exercised judicially and for valid reasons. An accused person cannot be permitted merely at whim to change his plea, except upon valid and sufficient grounds which satisfy the Magistrate that it is proper in the interests of justice that he should be allowed to do so.....In this case there is nothing upon the record to indicate that the Respondent did not understand the nature of the original charge of housebreaking which was read to him, and to which he pleaded guilty, nor is there anything to show upon what grounds he sought to change his plea seven days later, and why the learned President exercised his discretion in allowing him to do so. It is to be hoped that in future cases where a Magistrate thinks fit to exercise his judicial discretion in this manner, the grounds upon which the exercise of the discretion is sought, and the reasons which prompt the Magistrate to exercise it, will be fully stated upon the record.....”*

- (d) Adalah diperhatikan bahawa semasa Perayu Pertama dan Perayu Kedua hadir ke Mahkamah dan membuat Pengakuan Bersalah, malah sepanjang prosiding sehinggalah ke peringkat Fakta Kes dan Ekshibit-ekshibit dikemukakan, kedua-dua mereka adalah diwakili oleh peguam masing-masing.
- (e) Selanjutnya Mahkamah ini ingin merujuk kepada kes: ***Public Prosecutor v. Ku Swee Hing (2014) 1 LNS 1454***, yang mana dalam kes ini pihak Tertuduh memohon untuk menarik semula Pengakuan Salahnya dibawah Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 atas alasan Tertuduh telah dipaksa untuk mengaku bersalah oleh pihak Peguam. Dalam kes ini, pihak Mahkamah telah menolak permohonan Tertuduh kerana Mahkamah berpendapat bahawa alasan tersebut tidak memuaskan atau cukup untuk Mahkamah membenarkan permohonan tersebut. Dinyatakan oleh Mahkamah seperti berikut:

*“.....v. The Court is of the considered view that to allow the accused to retract his plea of guilty merely on the vague and uncorroborated claim that he was forced to plead guilty would a case of allowing the accused to plea of guilty and then to retract his plea at his own whims and fancies.....”*

***Court's Finding re Retraction of Plea of Guilty***

***28. Thus, in conclusion, the Court finds that the accused has shown no good or sufficient reason to merit the Court allowing him to retract his plea of guilty. Whilst the Court has the discretion whether to allow the retraction of a plea or otherwise, that discretion must be exercised judicially. In this case, the Court is satisfied that on a proper exercised of the Court's discretion, the accused 's request to retract his plea is refused. The accused was informed that the Court would proceed to sentencing after hearing his mitigation, if he was minded to make a plea in mitigation....."***

- (f) Mahkamah Rayuan dalam kes ***Ku Swee Hing (supra)***, ***MRRJ No: W-05-156-06/14*** telah mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi dan bersetuju dengan Sebulat Suara menolak permohonan untuk menarik semula Pengakuan Bersalah oleh Tertuduh atas alasan-alasan bahawa Tertuduh pada masa tersebut telah diwakili oleh peguambela. Pada setiap kali



prosiding, Tertuduh sentiasa dibantu oleh Jurubahasa Cina di Mahkamah yang merupakan bahawa ibundanya dan Mahkamah tiada mendapati serta berpuashati tiada ujud sebarang bukti-bukti kukuh yang menunjukkan Tertuduh telah dipaksa semasa membuat pengakuan bersalah.

- (g) Di Muka Surat 201, Jilid 2 Rekod Rayuan, Mahkamah ini juga turut meneliti factor bahawa Perayu Pertama dan Perayu Kedua menyatakan bahawa mereka telah dipaksa untuk membuat Pengakuan Bersalah. Secara dasarnya, berdasarkan kepada penghakiman kes: ***Ku Swee Hing (supra)***, Mahkamah mendapati bahawa alasan tersebut tidak mencukupi dan memadai. Dakwaan pihak Perayu Pertama dan Perayu Kedua ini yang menyatakan bahawa mereka sebenarnya telah dipaksa tidak disokong oleh mana-mana keterangan. Tambahan pula Perayu-perayu mempunyai masa yang panjang untuk berfikir dan membuat keputusan. Semasa persidangan Mahkamah di Mahkamah Sesyen pada awal pagi 28 April 2015, Hakim Sesyen telah dimaklumkan bahawa Perayu Pertama dan Perayu Kedua ingin membuat Pengakuan Bersalah menyebabkan Mahkamah menangguhkan sementara persidangan sehingga jam 1150 pagi. Dalam tempoh tersebut, Perayu Pertama dan Perayu Kedua masing-masing ingin meneruskan Pengakuan Bersalah mereka sehinggalah persidangan Mahkamah pada hari tersebut selesai.

Dalam pada juga, Perayu Pertama dan Perayu Kedua telah meminta Mahkamah untuk menangguhkan proses Jatuh Hukum atas alasan untuk menguruskan anak-anak mereka dan Mahkamah membenarkan permohonan mereka. **Kalaulah sebegitu, mahkamah ini mendapati alasan Perayu Pertama dan Perayu Kedua bahawa mereka telah dipaksa untuk membuat Pengakuan Bersalah adalah sangat Remeh dan Tidak Berasas;**

- (h) Melalui Rekod Rayuan, Jilid Kedua di muka surat 194, mahkamah ini mendapati bahawa semasa Pengakuan Bersalah dibuat oleh Perayu Pertama dan Perayu Kedua, setiap seorang daripada mereka adalah diwakili oleh Peguambela. Mahakamah ini mendapati adalah menjadi suatu perkara yang pelik dan mustahil kedua-dua Perayu tidak mendapat nasihat perundangan yang sewajarnya daripada Peguam mereka. Tambahan pula sejak kes disebut pada 16 April 2015, pihak Perayu-perayu telah berjumpa dengan Peguambela masing-masing. Sekiranya dikaji dan dilihat semula penghakiman kes: ***Ku Swee Hing (supra)***, perkara asas yang diambil kira oleh Hakim semasa membuat keputusan untuk menolak permohonan Perayu Pertama dan Perayu Kedua untuk menarik semula Pengakuan Bersalahnya adalah semasa prosiding tersebut, pihak Tertuduh jelas diwakili oleh pihak peguam masing-masing.

- (i) Dalam Rekod Rayuan, Jilid Kedua dimuka surat 196-197, Hakim Sesyen semasa prosiding tersebut telah mematuhi sepenuhnya peruntukan Seksyen 173(a), 173(b) dan 173(m)(2) Kanun Prosedur Jenayah semasa mengambil kira dan merekodkan Pengakuan Bersalah Perayu Pertama dan Perayu Kedua. Pada Peringkat Permulaan, pertuduhan dan hukuman telah dibacakan dan diterangkan dengan bantuan seorang Jurubahasa Melayu. Perayu-perayu kemudiannya membuat Pengakuan Bersalah dan menyatakan Faham akan Sebab dan Akibat Pengakuan Bersalah mereka. Dalam Peringkat Kedua pula, pihak Timbalan Pendakwa Raya telah mengemukakan Fakta Kes dan dibacakan kepada Perayu-perayu ini dan mereka mengakui kebenaran Fakta Kes tersebut. **Dalam keadaan sedemikian, jelas menunjukkan bahawa Hakim Sesyen telah benar-benar pasti bahawa Perayu-perayu ingin membuat Pengakuan Bersalah dengan Rela hati tanpa apa-apa Pengaruh dan desakan pihak yang lain.** Dalam kes: ***Public Prosecutor v. Ismail bin Ibrahim (1998) LNS 664***, pengakuan dan kebenaran Fakta Kes yang dibentangkan terhadap Tertuduh telah diambil kira sebagai membantu pihak Mahkamah bagi memastikan bahawa suatu Pengakuan Bersalah itu adalah Tidak Bersyarat (*Unconditional*) Mahkamah memutuskan seperti berikut :

*“In Lee Weng Tuck & Anor v. PP (1989) 2 MLJ 143, it was held that in order to determine the validity of a plea of guilty, certain safeguards must be followed. They are, inter alia, as follows:*

- (i) The court must ascertain that the accused understands the nature and consequences of his plea; and*
- (ii) The court must ascertain that the accused intends to admit without qualification the offence alleged against him....*

*Although a plea of guilty is a confession of guilt, it does not of itself amount to a conviction. **A conviction does not occur until there is an acceptance of the plea amounting to a determination of guilt by the court (see Maxwell v. R (1996) 135 ALR 1). Thus, upon a guilty plea, the court requires a summary of the facts of the case to ensure that the accused understands the nature and consequences of his plea and intends to admit, without qualification, the offence alleged against him. The facts given should be confined to facts which the prosecution is able to prove and which amounts to a plea of guilty in law (see Chen***

*Chong & Ors. V. PP (1967) 2 MLJ 130 and Abdul Kadir bin Abdul Rahman (1984) 1 MLJ 80). It enables the court to ascertain whether admissions of the facts amount to a plea of guilty in law (see Palan v. PP (1932) MLJ 124; PP v. Nahat Singh (1939) MLJ 239, Tukiran bin Talib v. PP (1955) MLJ 24; and New Tuck Shen v. PP (1982) 1 MLJ 27). It is a duty of a Magistrate to defer acceptance of a plea of guilty until he has the facts alleged by the prosecution fully before him (see PP v. Yong Chen (1952) MLJ 142). The Court accepts a guilty plea when it is satisfied that the accused understands the nature and consequences of his plea. This will be done after the accused has admitted the fact (see PP v. Abdul Aziz (1978) 2 MLJ 155 and Lian Kian Boon v. PP (1991) 1 MLJ 51). The court is not bound to accept a plea of guilty in all cases. The accused is not to taken at his words when he pleads guilty unless the plea is expressed in unmistakable terms with full appreciation of the essential terms of the offence (see Heng Kim Khoon v. PP (1972) 1 MLJ 30). The plea should not be accepted by the court when on the facts admitted an accused person could not in law have been guilty of an offence (see R v. Forde (1923) 2 KB 400; R v. Murphy (1955) VR 187; R v. Chiron (1980) 1 NSWLR 218; R v. Barnes (1970) 55 Cr.App Record 100, Sau Soo Kim v. PP (1975) 2 MLJ 134 and Lo Kim Peng & Ors v. Public Prosecutor (1979) 1 MLJ 249). This is for the reason that*

*a plea of guilty to an offence unknown to the law is no plea at all (see Heng Kim Khoo v. PP)...As Shankar J (as he then was) said in Zainal Abidin bin Mohd Zaid.....”*

- (j) Mahkamah juga mendapati bahawa pihak Timbalan Pendakwa Raya telah mengemukakan Ekshibit-ekshibit dan ditunjukkan kepada kedua-dua Perayu dan diAkui Benar oleh Perayu Pertama dan Perayu Kedua.
- (k) Melalui Rekod Penghakiman Hakim Sesyen di muka surat 28 hingga 32 Jilid 1 Rekod Rayuan, mahkamah ini telah mendapati bahawa Hakim Sesyen telah mengambil langkah-langkah secara berhati-hati bagi memastikan kesemua peruntukan undang-undang dibawah Seksyen 173 Kanun Prosedur Jenayah dipatuhi sepenuhnya.
- (l) Dalam meneliti Fakta-fakta kes, Perayu-perayu telah bertindak dan membuat permohonan beberapa kali bagi menangguhkan prosiding perbicaraan. Mahkamah ini juga mendapati bahawa disepanjang tempoh kes berjalan dan dibicarakan di Mahkamah Sesyen, pihak Perayu-perayu telah mengambil dan menukar Peguam sebanyak 4 kali. Selanjutnya, setelah membuat Pengakuan Bersalahnya, pihak Perayu Pertama dan Perayu Kedua telah 2 kali memohon pengangguhan selama tempoh 2 minggu atas alasan yang sama iaitu untuk menguruskan

anak-anak mereka. Pada kali Pertama adalah semasa kedua-dua Perayu membuat Pengakuan Bersalah ketika diwakili oleh Peguam YBGK dan kali Keduanya, pada ketika hari Jatuh Hukum semasa diwakili oleh Peguam, En. Murali. Kesemua tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Perayu Pertama dan Perayu Kedua, **mahkamah ini mendapati bahawa tindakan tersebut hanyalah untuk melengah-lengahkan proses dan prosiding perbicaraan.**

- (m) Melalui Rekod Rayuan, Jilid 2 muka surat 211, adalah didapati bahawa Perayu Kedua tidak membuat atau mengemukakan apa-apa rayuan terhadap Sabitan beliau sepertimana yang dinyatakan oleh pihak Peguam. Ini jelas membuktikan bahawa Perayu Kedua ini mengakui kesalahan yang dilakukan olehnya dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa beliau telah membuat Pengakuan Bersalah secara tidak bersyarat semasa pengakuannya diambil pada 28 April 2015. Pada hemat mahkamah ini, adalah suatu yang mustahil apabila Perayu Pertama mendakwa bahawa beliau telah dipaksa semasa membuat Pengakuan Bersalahnya sedangkan Perayu Kedua tidak mempertikaikan kesahihan Pengakuan Bersalahnya sehingga kini. Apakah Nilai Probatif atau Alasan pihak Peguam mempertikaikan perkara ini?? Mahkamah ini tidak Nampak apa-apa jua kewajaran bagi Peguam mempertikaikan Pengakuan

Bersalah Perayu Pertama ini. Malah, semasa membuat mitigasi, Perayu Kedua dengan jelas menyatakan keinsafan dn kekesalannya dan mengakui kesilapan yang dilakukan oleh dirinya.

**Justeru itu, berdasarkan penelitian penuh dan kajian, mahkamah ini mendapati bahawa tindakan Hakim Sesyen yang bijaksana dalam menerima Pengakuan Bersalah dan menolak permohonan Perayu Pertama dan Perayu Kedua untuk menarik balik Pengakuan Bersalah mereka adalah sangat ADIL dan WAJAR. Mahkamah ini mendapati bahawa tindakan Hakim Sesyen tersebut adalah selari dan menurut peruntukan undang-undang.**

9. ***ISU KEDUA: Sekiranya begitu, bolehkah Perayu Pertama merayu terhadap sabitan?;***

- (a) Dalam meneliti isu Kedua ini, adalah perlu untuk meneliti Seksyen 305 Kanun Prosedur Jenayah seperti berikut:

***Section 305.....When Plea of Guilty limited right of Appeal***

*When an accused person has pleaded guilty and been convicted by a Magistrate on that plea, there shall be no appeal except as to the extent or legality of the sentence*



- (b) Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang diatas, adalah jelas bahawa apabila Tertuduh yang disabitkan diatas apa-apa kesalahan akibat daripada Pengakuan Bersalahnya, hanya boleh mengemukakan Rayuan terhadap takat atau keesahan hukuman yang dikenakan terhadapnya sahaja. Dalam erti kata yang lain, Tertuduh tidak boleh mengemukakan Rayuan terhadap Sabitan yang diputuskan terhadapnya.
- (c) Sungguhpun begitu, perkara ini tidak menghalang Mahkamah Tinggi untuk menggunakan kuasa semakannya yang melibatkan rayuan terhadap Pengakuan Bersalah. Dalam kes: ***Mohd Dalhar bin Redzwan & Anor v. Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1995) 1 MLJ 645*** mahkamah memutuskan seperti berikut:

*“Firstly, under section 305 of the Criminal Prosedure Code, a person who has been convicted on his plea of guilty is entitled to appeal only against the extent or legality of the sentence. However, a Court hearing an appeal against sentence is entitled to and will, where appropriate, act in revision and set aside a conviction.....”*

- (d) Walaubagaimanapun, kelonggaran ini tidak sewajarnya disalahguna dan Mahkamah di peringkat Rayuan seharusnya lebih berhati-hati dalam menggunakan kuasa semakan tersebut. Dalam kes: ***Teo Hee Heng v. Public Prosecutor (2000) 2 SLR 168***, Mahkamah Tinggi dalam menolak semakan untuk kes Pengakuan Bersalah Pemohon telah menyatakan seperti berikut:

*“Held: dismissing the petition and enhancing the sentence:*

- (1) *Although the High Court was capable of reviewing the conviction in exercise of its powers of revision, the scope of these powers obliged the court to act with great circumspection and only where it was manifestly plain that the offence charged was nowhere disclosed in the statement of facts tendered. Mok Swee Kok v. PP (1994) 3 SLR 140 followed. **It was not the purpose of a criminal revision to become a convenient form of backdoor appeal against conviction for the accused persons who had pleaded guilty to their charges. The governing principle was that the revisionary jurisdiction of the High Court should***

*be invoked only if the court was satisfied that some serious injustice had been caused which warranted the exercise of its powers of revision..(see, Ang Poh Chuan v. PP (1996) 1 SLR 326, Ngian Chin Boon v. PP (1999) 1 SLR 119, PP v. Mohamed Noor bin Abdul Majeed (2000) 3 SLR 17 followed)*

- (e) Dalam meneliti keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam kes ini, **mahkamah ini mendapati bahawa tindakan oleh Hakim Sesyen tersebut adalah teratur dan menurut segala peruntukan undang-undang. Mahkamah ini mendapati tiada suatu jua isu melibatkan ketidakadilan atau salah laksana keadilan berlaku. Justeru itu, bagi mahkamah ini untuk menggunakan kuasa semakannya bagi mengubah keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Sesyen tidak mempunyai sebarang merit.**

10. **ISU KETIGA: Sekiranya Mahkamah menerima Pengakuan Bersalah, adakah Hukuman yang dijatuhkan itu memadai dan bersesuaian??**

- (a) Isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ini adalah samada Mahkamah ini boleh dan perlu mencampuri urusan penghukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Mahkamah ini merujuk kepada penghakiman kes: ***Public Prosecutor v Mohomad Nor & Ors (1985) 2MLJ 2006*** seperti berikut :

*“The High Court, “should be slow to interfere or disturb with a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances. And the mere fact that another court to interfere if the court below applies the correct principle in the assessment of the sentence”.*

- (b) Dalam menentukan apakah bentuk hukuman yang bersesuaian terhadap Perayu-perayu dalam menentukan rayuan yang dibuat, Mahkamah ini sering merujuk kepada suatu prinsip yang dinyatakan secara jelas dalam kes : ***PP v Jafa bin Daud (1981)1MLJ 315*** seperti berikut :

*“....sentence according to law, means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section but it also be assessed and passed accordance with established judicial principles....”*

- (c) Mahkamah ini juga merujuk kepada kes : ***R v Ball (1951)35Cr App R 164*** apabila menyatakan :

*“...our law does not therefore fix the sentence for a particular offence but it fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular, the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe....”*

- (d) Justeru itu, hukuman yang hendak dikenakan terhadap Perayu-perayu mestilah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan “**seriousness**” **kesalahan** dan tahap penglibatan pesalah-pesalah itu sendiri. Prinsip ini diakui dalam kes: ***R.V. Ipeelee (2012)1SCR 433:***

*“...proportionality ...is not just a sanction. First, the principles ensures that a sentence reflects the gravity of the offence,...it promotes justice for the victims and ensures public confidence in the system of justice. Secondly, the principles of proportionality ensures that a sentence does not exceed what is appropriate,given the moral blameworthiness of the offender....”*

- (e) Justeru itu, dalam menentukan suatu hukuman yang setimpal, adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada faktor-faktor “aggravating factor” dan “mitigating factor” sebelum sesuatu hukuman tersebut dilupuskan. Konsep ini juga dinyatakan dalam kes : ***Yusmarin Samsuddin v PP(1999) 4 CLJ 391***, Mahkamah menegaskan seperti berikut :

*“...the principles of sentencing have long been entrenched and well settle in our criminal law jurisprudence and the court seized with such jurisdiction is empowered to take into account the following consideration :*

- (a) the extent and seriousness of the offence committed;*
- (b) The guilty person’s antecedents and*
- (c) the public interest*

- (f) Dalam kes: ***PP v. Abdul Halim Ishak & Ors (2013) 9 CLJ 559*** dinyatakan seperti berikut:

*“.....denunciation, in the context of sentencing, is achieved by the imposition of a sentence the severity of which makes a statement that the **offence in question is not to be tolerated by society either in general***

*or in a specific instance. The statement made may be directed at any combination of the public at large, victims, potential offenders and individual offenders. In part its aims are similar to that of deterrence, It has also been seen to be associated with retribution. (Law Reform Commission New South Wales).....”*

- (g) Mahkamah ini telah merujuk kes Mahkamah Rayuan ***Peilis Sami v PP(2014) 6 CLJ 671(CA)*** dinyatakan bahawa :

*“(17) In our judgement, in deciding this appeal, we constantly remind ourselves that any sentence to be imposed on the appellant, an offender guilty of several moral offences, must be with a view to achieve the following purposes. Firstly, and we consider this to be the most important purpose of all, is retribution.*

***Retribution means justice to the victim of the crime; to avenge the wrong that was done to the victim by the offender. The severity of the punishment by the state’s machinery of justice on the offender must***

*commensurate with the gravity of the offence committed and the pain (or suffering) inflicted by the offender on his victim.*

*(18) Secondly, and next in terms of importance, the punishment must be such of a nature that it should **serve as a deterrence to others.***

*(19) And, thirdly, the purpose of the punishment **is to reform the offender.***

- (h) Dalam menentukan berapakah tempoh hukuman penjara, faktor-faktor yang meringankan hukuman wajar dipertimbangkan dengan rasional dan menyeluruh. Dalam kes ***Liow Siow Long v Public Prosecutor (1970)1MLJ40, Raja Azlan Shah J*** menyatakan pada mukasurat 42 :

*“It is not in doubt that the right measure of punishment for an offence is a matter in which no hard and fast rules can be laid down and it is to be determined by a consideration of a variety of circumstances. In assessing sentence, the primary consideration is the character and magnitude of the offence, but the court cannot lose sight of the proportion*



*which must be maintained between the offence and the penalty and the extenuating circumstances which might exist in the case.”*

- (i) Disini saya merujuk kepada kes **Leo Say v PP(1985) 2 CLJ 155; (1985) CLJ (Rep) 683** di mana **Y.A. Hakim NH Chan J** menyatakan seperti berikut :

*“...The fact that **a man has not much of a criminal record or none at all, is not a powerfull factor to be taken into consideration in a case of such gravity...**Although all the 3 accused persons pleaded guilty and they are entitled to some credit for that, it must be set aside against the enormity and seriousness of the crime that they have committed (emphasis added).”*

- (j) Kesalahan yang dilakukan oleh Perayu-perayu adalah serious memandangkan mereka tidak amanah dan menggunakan kepercayaan yang diberikan oleh majikan dalam melakukan kesalahan dan sanggup mencuri wang kepunyaan pelanggan Bank HSBC yang trlibat didalam kejadian MH 370.

Hukuman yang berat dan setimpal yang dikenakan untuk memberikan pengajaran pada mereka yang ada kecenderungan untuk melakukan kesalahan-kesalahan yang sama dimasa akan datang.

Tambahan pula sekarang ini kerap kali berlaku pecah amanah oleh pegawai-pegawai bank serta penyalahgunaan kuasa didalam melakukan kesalahan jenayah.

- (k) Mahkamah ini perlu untuk mengambil judicial notice tentang perkara tersebut agar ia memberikan pengajaran kepada masyarakat umum atau sesiapa yang mempunyai dorongan untuk melakukan kesalahan tersebut.
- (l) Perlu diambil kira oleh mahkamah ini bahawa kesalahan yang dilakukan oleh kedua-dua Perayu yang merupakan suami isteri adalah pre-meditated atau telahpun dirancang dengan teratur.
- (m) Perbuatan kedua-dua Perayu telah meninggalkan kesan-kesan negative terutamanya kepada keluarga mangsa MH 370 yang bukan hanya menyusahkan keluarga mangsa tetapi juga telah mengakibatkan kehilangan wang didalam akaun mangsa. Perbuatan tersebut adalah keji dan jijik dan tidak berperikemanusiaan dimana

kedua-dua Perayu telah mengambil kesempatan diatas kesusahan orang lain.

- (n) Ia menyebabkan masyarakat hilang kepercayaan terhadap institusi perbankan dan merasa takut untuk menggunakan perkhidmatan institusi perbankan serta menimbulkan kekusaran pada pendeposit-pendeposit. Secara tidak langsung ia member mesej dan imej yang buruk terhadap Bank yang mana masyarakat tidak lagi yakin serta mempercayai institusi tersebut.
  - (o) Ianya juga memberikan imej yang buruk kepada Negara Malaysia di mata Negara asing terutamanya China kerana jenayah ini melibatkan mangsa-mangsa MH 370. Maruah Negara tercemar dan ia memberi anggapan buruk Negara luar terhadap Malaysia. Ketidakyakinan Negara luar terhadap Malaysia dan ia juga boleh menjejaskan imej dan ekonomi Negara.
11. Saya berpendapat bahawa Hakim Sesyen telah melakukan suatu kesilapan apabila menjatuhkan hukuman yang sangat ringan pada hemat mahkamah ini jika dibandingkan dengan KESAN JANGKA PANJANG YANG DIALAMI OLEH PIHAK-PIHAK. Dalam keadaan sedemikian, adalah jelas keadaan-keadaan ini memberikan isyarat kepada Mahkamah ini untuk mengenakan suatu hukuman yang amat berat terhadap Perayu. Hukuman yang berat ini diharap dapat

memberikan suatu pengajaran kepada Perayu dan kepada pihak-pihak yang lain agar tidak memandang mudah mengenai kejadian yang berlaku. Justeru itu ianya juga memberikan suatu amaran yang keras kepada pihak-pihak lain agar tidak mengulangi kejadian jenayah yang sama dimasa-masa hadapan. Seperti yang diputuskan dalam kes: ***Ryan v. The Queen (2001) 206 CLR 267 pg 118***, hukuman yang amat berat ini perlulah mencerminkan:

*“.....a symbolic, collective statement that the offender’s conduct should be punished for encroaching on our society’s basic code of values as enshrined within our substantive criminal law.....”*

12. Oleh yang demikian setelah mengambil kira faktor-faktor seperti di atas dan dengan mengambil pendekatan bahawa di dalam kes-kes yang serius seperti di dalam kes ini, kepentingan awam hendaklah mengatasi pertimbangan tentang “crushing effect” hukuman-hukuman tersebut terhadap perayu. Suatu peranan yang wajar perlu dimainkan oleh Mahkamah untuk memastikan kesalahan-kesalahan seperti di dalam kes ini tidak berleluasa di mana dengan izin , **“a strong message must be sent ot the public that the court views such offences with complete detestation and abhorrence”**.
13. Di atas perkara-perkara ini, Mahkamah ini menolak rayuan kedua-dua pihak Perayu dan mahkamah ini meminda Hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Sesyen seperti berikut:

Hukuman terhadap Perayu Pertama (Basheer Ahmad Maula)

- Kes no: 62K-424-08/2014.....semua kekal
- Kes no: 62K-425-08/2014.....kesalahan berulang....penjara 4 tahun di pinda dengan 6 tahun penjara dengan 2 sebatan dan denda RM 8,000 l/d 8 bulan.
- HUKUMAN BERJALAN SERENTAK BAGI KESEMUA KES

Hukuman terhadap Perayu Kedua (Norshila Kannan)

- Kes no: 62K-420-08/2014, (i) dan (ii) kekal dan (iii) dari 6 tahun kepada maksima 7 tahun Penjara dan Denda RM70,000 jika gagal 2 tahun penjara (kesalahan Berulang)
- Lain-lain kes , hukuman adalah kekal
- HUKUMAN BERJALAN SERENTAK BAGI SEMUA KES

14. Seperti juga pendekatan oleh Yang Arif Hakim-Hakim di dalam kes diatas, adalah menjadi harapan Mahkamah ini agar hukuman penjara ini dapat memberikan peluang kepada kedua-dua Perayu untuk mengubah corak hidup masa depannya. Saya berpendapat hukuman penjara untuk tempoh tersebut dapat memulihkan Perayu-perayu sekaligus kepentingan awam akan lebih terpelihara.
15. Mahkamah ini merasakan adalah adil, wajar dan saksama setelah mempertimbangkan segala sudut prinsip undang-undang yang berkaitan dan alasan-alasan yang telah dinyatakan diatas.

Mahkamah ini merakamkan ucapan terima kasih kepada DPP dan pihak-pihak terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam melupuskan kes ini.

**Bertarikh 17 Mei 2016,**

**(DATO' HJ. MOHAMAD SHARIFF BIN HJ. ABU SAMAH)**  
**Pesuruhjaya Kehakiman**  
**Mahkamah Tinggi Jenayah 4**  
**Kuala Lumpur**

Pihak-pihak

Bagi pihak Responden - Ahmad Fadhli Mahmud  
Timbalan Pendakwaraya

Bagi Pihak Perayu – Tetuan Murali Velautham & Associates/  
Lew Cho Kang / Rahmat Hazlan